

# '20,000 penduduk berisiko berdepan bencana alam'

**Persatuan gesa henti projek pembinaan sekitar Bukit Persekutuan demi keselamatan**

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kehidupan kira-kira 20,000 penduduk sekitar Bukit Persekutuan di sini, dikhawatir terus terjejas akibat kejadian tanah runtuh dan banjir kilat yang boleh terjadi susulan beberapa pembangunan dikenal pasti sedang dilaksanakan dalam kawasan hijau itu, termasuk di puncak bukitnya.

Pengerusi Selamatkan Kuala Lumpur, Datuk M Ali, berkata lebih membimbangkan, tempias kesan buruk itu dikhuatiri terkena penduduk di kaki bukit itu dan kawasan sekitar seperti Jalan Travers, Jalan Limau Purut, Jalan Limau Mani di Bukit Bandaraya serta beberapa lagi perumahan di bawah Bukit Persekutuan

tuan serta pengguna jalan raya di situ seperti ketika banjir kilat dan tanah runtuh berlaku sebelum ini.

Beliau yang juga Penasihat Persatuan Penduduk Bukit Bandaraya Bangsar, meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengesyorkan kepada Jabatan Warisan Negara berhubung perwartaan kawasan itu sebagai Tapak Warisan Semula Jadi Negara untuk memelihara kawasan hijau itu daripada terus diteroka untuk projek pembangunan.

Katanya, pembangunan besar-besaran terhadap Bukit Persekutuan, termasuk kawasan kaki bukit membabitkan projek pembangunan bercampur di tapak Institut Kesihatan Umum Malaysia (IKUM) perlu dihentikan demi keselamatan penduduk.

"Sebelum ini sudah ada kejadian tanah runtuh dan banjir kilat di kawasan ini yang mengancam nyawa penduduk dan sesatu perlu dilakukan untuk mencegah kejadian ini daripada berulang.

"Atas sebab itu kita mohon

DBKL untuk terus memelihara kehijauan Bukit Persekutuan termasuk kawasan sekitar seperti Taman Botani Perdana, Bukit Aman dan Taman Tugu dengan mewartakannya," katanya.

Beliau mengulas laporan *BH* mengenai Bukit Persekutuan yang sepatutnya menjadi 'nadi hijau' bagi ibu kota kini berdepan ancaman dengan beberapa projek pembangunan dan penerokaan sedang dilakukan, termasuk di kawasan puncak bukit.

Pada masa sama, M Ali berkata, Bukit Persekutuan adalah satu-satunya *green lung* atau kawasan hijau yang masih tinggal di tengah ibu kota selepas Bukit Nanas dan Bukit Gasing yang didakwa sudah 'habis' disebabkan pembangunan.

Beliau berkata, selain kepentingan kawasan hijau di Bukit Persekutuan, ia perlu dipelihara kerana nilai sentimental dan sejarahnya sebagai kediaman penjawat awam sebelum ini.

Katanya, pada 2019 lalu, komuniti di Bukit Persekutuan dimaklumkan bahawa DBKL akan mengesyorkan untuk tidak mem-

pertimbangkan bagi pembinaan pembangunan di tapak IKUM di bahagian bawah bukit.

"Ini kerana melalui pemahaman kami, Bukit Persekutuan berada dalam keadaan 'Cerun Tahap 4' dan tidak sesuai untuk pembangunan terlampau padat seperti mana dicadang pihak maju.

"Namun kini kami mendapati pembangunan itu tetap diteruskan. Kami dimaklumkan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia bahawa ada pengumpulan air bawah tanah pada jangka masa panjang dalam Bukit Persekutuan akibat kerja penambakan tidak mengikut spesifikasi sebelum ini," katanya.

Sementara itu, penduduk di Jalan Limau Purut, Liu Tai Shin, 70, berkata kejadian tanah runtuh di kawasan rumahnya tahun lalu menyebabkan beliau dan sekeluarga sering dihantui trauma, apatah lagi setiap kali ketika hujan lebat.

Tai Shin berkata, mereka juga tidak dapat tidur lena apabila berlaku hujan lebat berikutan bimbang tanah daripada runtuh di atas bukit mengenai kediaman sekali lagi.

"Setiap kali hujan, saya akan kerap melihat ke bahagian belakang kerana bimbang bukan sa-



**BH**  
BeritaHarian

Bukit Persekutuan mula kena gondol

Laporan  
disiarkan BH,  
semalam.

haja tanah runtuh mengenai kediaman namun keselamatan nyawa kami juga.

"Saya juga mengeluarkan kos sendiri untuk menambah baik sistem perparitan di kawasan rumah bagi memastikan air dapat mengalir dengan baik," katanya.

Pada 23 Oktober tahun lalu, berlaku jalan runtuh sejauh 40 meter di Lingkungan Negeri Sembilan di mana tanah itu 'dibawa' hingga ke Jalan Limau Purut di Bangsar.

Susulan kejadian itu, penduduk diminta berpindah berikutan kawasan itu dikesan tidak selamat dan insiden terbabit adalah kali kedua dilaporkan berlaku dalam tempoh beberapa bulan.

DBKL kini sedang melakukan kerja pemberaan cerun di kawasan kediaman terjejas.

Seorang lagi penduduk mahu dikenali sebagai Thomas, 50, mendakwa tanah runtuh itu menyebabkan beliau kerugian lebih RM60,000 termasuk kematian beberapa ekor ikan Arowana yang dipeliharanya akibat tertimbas tanah.

Beliau berkata, walaupun tembok sedang dibina semula namun pihaknya bimbang kejadian sama berulang dan mohon pihak bertanggungjawab untuk menghentikan pembangunan.



M Ali

14 tindakan khas atasi masalah banjir kilat

Berita Harian . 11/5/22 (Rabu) . M15 : 4

# Ambil kira keselamatan semua pihak

**Kuala Lumpur:** Langkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan 14 tindakan khusus bagi menangani segera masalah banjir kilat di 25 kawasan 'hotspot' perlu mengambil kira pendekatan menguruskan banjir secara bukan berstruktur demi keselamatan semua pihak.

Pensyarah Pensyarah Kanan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar (FPAS) Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd Yusoff Ishak, berkata pendekatan itu dilihat sebagai langkah awal untuk

mengelakkan diri daripada terperangkap dalam banjir, sekali gus mengurangkan kerugian yang ditanggung orang ramai.

Katanya, langkah itu juga perlu diambil oleh DBKL yang bertindak sebagai agensi utama untuk memastikan orang ramai peka dengan bencana banjir kilat yang dilihat sering berlaku pada waktu puncak ketika orang ramai menggunakan jalan utama di tengah-tengah ibu negara.

"Kita melihat 14 tindakan khusus yang diambil DBKL adalah bersifat struktur dan ia pasti me-

ngambil masa lama untuk menyiapkannya secara keseluruhan.

"Namun apa yang penting sekarang, adalah pengurusan bukan berstrukur seperti pendekatan mendidik pengguna atau orang ramai mengenai banjir kilat yang seolah-olah menjadi bencana tanpa mengikut musim tertentu. Erti kata lain, apabila hujan lebat tanpa henti di Lembah Klang, sudah pasti banjir kilat akan melanda," katanya kepada BH.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, berkata ia akan dilaksanakan da-

lam tempoh tiga bulan hingga Julai depan melalui Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022 dengan membabitkan peruntukan sebanyak RM10 juta.

Beliau berkata, pelan tindakan terbabit akan berpandukan ramalan cuaca dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia).

Antara tindakan berkenaan ialah memastikan saluran keluar air larian ke longkang tepi jalan, tidak tersumbat atau terhalang. Kerja pemantauan dan

pembersihan akan dilakukan setiap hari oleh pasukan khas DBKL.

Antara lain, 'scupper drain' (saluran masuk air) di semua kawasan 'hotspot' turut dinaik taraf selain membina 'sump' baharu bagi menyalurkan air ke longkang tepi jalan sedia ada; meletakkan guni pasir di kawasan rendah di tepi sungai bermula Jumaat lalu; melaksana kerja mengeluarkan kelodak di kolam takungan banjir di Lorong Mamarof, Jalan Travers dan Universiti Malaya (UM).

M/S = 16

# DBKL, PBT perlu beri komitmen penuh tangani banjir kilat

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) diharap memberikan komitmen penuh dalam menangani isu banjir kilat kerana masalah itu wujud sejak sekian lama dan kerap berulang.

Pengerusi Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata kerajaan Pusat juga perlu memberikan peruntukan yang munasabah untuk membantu mengatasi masalah banjir bagi tempoh jangka panjang.

"Isu banjir kilat sepatutnya ditangani lebih awal kerana masalah ini sudah wujud lama, tahun demi tahun, malah apabila hujan lebat berterusan dalam tempoh satu jam pun banyak lokasi di Kuala Lumpur dan Lembah Klang terjejas kerana paras sungai naik.

"Kita tidak boleh lagi terima alasan, hujan berterusan mengakibatkan kawasan sekitar ibu negara mengalami banjir kilat, tetapi pihak berkuasa perlu menambah baik sistem perparitan, urus supaya tiada sisa terperangkap dan ada pelan kontigensi sebagai persediaan," katanya kepada BH semalam.

Kelmarin, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dilaporkan berkata, PBT itu sedang melaksanakan 14 tindakan khusus bagi menangani segera masalah banjir kilat di 25 kawasan 'hotspot' yang dikenal pasti.

Langkah itu akan dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan hingga Julai depan melalui Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022 membabitkan peruntukan RM10 juta.

Katanya, pelan tindakan berkenaan akan berpandukan ramalan cuaca dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia).

Lam Thye berkata, daripada semua langkah itu DBKL juga perlu mengambil kira penyelesaian yang dilakukan secara keseluruhan dan dilaksanakan dengan sebaiknya.

"Meskipun DBKL sedang melaksanakan 14 langkah terbabit, warga bandar mahu ia melitupi langkah jangka pendek, sederhana dan panjang.

"Jadi untuk itu satu peruntukan besar perlu diberikan bagi memastikan isu banjir kilat ini tidak berulang, dapat diselesaikan dan masyarakat tidak menanggung kerugian disebabkan kenderaan rosak ditenggelami air," katanya.

Katanya, pada masa sama, penguatkuasaan alam sekitar turut melakukan pemantauan terhadap segala projek naik taraf jalan, lebuh raya dan pembangunan supaya kontraktor yang terbabit menguruskan sisa binaan, bangunan serta tidak mengakibatkan sistem perparitan tidak terjejas.

"Kita mahu pasukan penguatkuasa ini sentiasa buat pemeriksaan ke atas projek naik taraf jalan, lebuh raya dan pembangunan swasta kerana banyak binaan menutupi longkang dan ada projek yang tiada perancangan terurus mengakibatkan kawasan dimajukan itu menjadi punca banjir kilat.

"Justeru, semua pihak perlu berganding bahu melaksanakan satu penyelesaian yang kekal dan menghalang isu banjir kilat ini terus berulang," katanya.

Stormetro · 1/4/22 (Wednesday) · Pg: 3

# Flash flood woes persist in Jinjang Selatan despite drainage upgrade in 2019

By REBEKAH TEO  
metro@thestar.com.my

RESIDENTS of Jinjang Selatan in Kuala Lumpur continue to suffer flash floods during downpours despite a drainage upgrade made several years ago.

In 2019, Kuala Lumpur City Hall (DBKL) widened and deepened some of the drains along Jalan Jambu Arang.

However, resident Albert Wong, 70, said the upgrade had not made a difference as his house would still get flooded after a downpour.

"My home has been flooded four times this year."

"It does not make sense that the upgrading works did not at least reduce the severity of the floods," he said.

Wong said he had complained to DBKL and hoped the authorities would remedy the situation.

Shopowner Kon Wong, 38, said he had to make sure that all his

goods were stored at least 1m high so that they would not be damaged in flash floods.

"Each time the floods occur, I lose several thousands of ringgit as most of my stock are paper-based prayer items," he said, adding that his family had been operating the shop along Jalan Jambu Air Mawar for the past 20 years.

Community activist Yee Poh Ping said although DBKL had upgraded part of the drainage at Jalan Jambu Arang, it had not resolved the flood problem.

"The neighbourhood's drainage system cannot cope with the amount of water during heavy rain because the entire stretch needs to be repaired."

"The older drains downstream have not been widened or deepened which causes a backflow and floods the area."

"Some houses experience water levels reaching up to about 2m high," he said, adding that the



The drains in Jinjang Selatan are too shallow and cannot cope with the amount of water, especially after a downpour.

floods' intensity had not reduced despite the 2019 upgrade.

Yee said there had not been any update on the drainage issue since DBKL officers visited the site last year.

Watch the video  
[TheStarTV.com](http://TheStarTV.com)

